



Muhyiddin mempengerusikan Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara yang diadakan secara sidang video bersama menteri besar dan ketua menteri di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan Facebook Muhyiddin Yassin)

# Jawatankuasa teknikal urus darurat ditubuhkan

Langkah pastikan segala urusan di seluruh negara berjalan lancar

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang pertama dipengerusikan Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, meluluskan penubuhan jawatankuasa teknikal bagi memastikan pengurusan darurat di seluruh negara berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa teknikal itu akan dipengerusikan bersama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang),

Datuk Takiyuddin Hassan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

"Jawatankuasa teknikal ini antara lain bertanggungjawab memantau isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat; meneliti dan mengkaji isu berbangkit berkaitan darurat dan mengesyorkan cadangan penyelesaian; menyelaras pengurusan darurat bersama pihak yang berkaitan pada peringkat Persekutuan dan Negeri; dan mengetahui pemantauan serta naziran penguatkuasaan undang-undang berkaitan darurat di semua peringkat.

"Selain itu, jawatankuasa ini akan dianggotai lapan ahli tetap iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Peguam Negara; Panglima Angkatan Tentera; Ketua Polis Negara; Ketua Pen-

garah Kesihatan; Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Ketua Kluster.

"Insya-Allah, saya berharap jawatankuasa yang ditubuhkan ini akan mendapat kerjasama dan sokongan di semua peringkat bagi memastikan pengurusan darurat di seluruh negara dapat dilakukan dengan berkesan," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Muhyiddin berkata, sidang yang diadakan secara sidang video bersama menteri besar dan ketua menteri, itu berlangsung di Bangunan Perdana Putra, di sini, dengan setiap ahli mesyuarat diasingkan dalam beberapa bilik di tingkat berlainan dalam bangunan itu.

Beliau berkata, ia pertama diadakan selepas Pengisytiharan Proklamasi Darurat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong, bagi membincangkan hala tuju pengurusan darurat pada peringkat Persekutuan dan Negeri.

Selasa lalu, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memperkenankan tempoh pelaksanaan darurat sehingga 1 Ogos ini atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, dilaporkan berkata, Seri Paduka Baginda turut berkenan terhadap cadangan kerajaan bagi pembentukan satu jawatankuasa bebas yang akan dianggotai oleh Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar kesihatan dan yang berkait.

## Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat

### Pengerusi Bersama

Menteri di JPM (Parlimen dan Undang-Undang)

1. **Datuk Takiyuddin Hassan**

Ketua Setiausaha Negara

2. **Tan Sri Mohd Zuki Ali**

### 8 Ahli Tetap

1. **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

2. **Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

3. **Peguam Negara**

4. **Panglima Angkatan Tentera**

5. **Ketua Polis Negara**

6. **Ketua Pengarah Kesihatan**

7. **Ketua Pengarah Keselamatan Negara**

8. **Ketua Kluster**

### Bidang Tanggungjawab

- » Pantau isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat.
- » Teliti, kaji isu berbangkit berkaitan darurat, syor cadangan penyelesaian.
- » Menyelaras pengurusan darurat bersama pihak berkaitan peringkat Persekutuan dan Negeri.
- » Ketuai pemantauan dan naziran penguatkuasaan undang-undang berkaitan darurat di semua peringkat.